

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JULY 2016

## DR. M, PAKATAN

**T**IDAKLAH mengejutkan. Seperti dijangka akhirnya mantan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan parti baharu yang akan bergabung dengan pakatan pembangkang termasuk DAP.

Dalam politik segala-galanya boleh berlaku. Dahulu Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO, kini mengetuai pula gerakan pembangkang.

Dahulu Dr. Mahathir selalu membidas dan menempelak pemimpin UMNO antaranya Anwar Ibrahim yang menyertai pakatan pembangkang dan bersekutu dengan DAP kerana melanggar prinsip perjuangan sebenar. Hari ini beliau juga sama.



**KIT SIANG**

Setakat ini, penubuhan parti baharu itu tidak mengundang rasa teruja masyarakat, yang lebih memberi perhatian kepada isu lain termasuk kemelut bola sepak tanah air.

Meskipun sudah digembar-gemburkan oleh penyokong tegar Dr. Mahathir bahawa ramai ahli UMNO kononnya akan keluar dan menyertai parti tersebut, tanda-tanda setakat ini tidak menampakkan ke arah itu.

Dengan pendirian Presiden Pas, Abdul Hadi Awang bahawa parti itu enggan menyertai pakatan pembangkang versi terbaharu (selain kejatuhan imej DAP dan perpecahan dalam PKR serta kegagalan PAN menarik sokongan) maka sudah boleh diramal masa

UM-17/7/2016  
depannya.


Malah ramai pemimpin dan ahli UMNO lega apabila Dr. Mahathir, Muhyiddin Yassin, Shafie Apdal dan Mukhriz Mahathir telah sah dan rasmi berada dalam pakatan pembangkang.

Ikatan antara Dr. Mahathir dan pemimpin DAP, Lim Kit Siang, kini tersimpul kuat. Sempadan makin jelas bagi UMNO untuk memudahkan lagi percaturan.

Apa yang boleh dijangka, majoriti Melayu tidak akan merelakan Dr. Mahathir dan Kit Siang bersatu sebagaimana gagalnya Deklarasi Rakyat bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Najib Tun Razak.

Apa pun perkembangannya, UMNO sebuah parti yang mempunyai rekod ketahanan tinggi, berpengalaman menangani kemunculan parti serpihan seperti Semangat 46 dan PKR. UMNO pernah terpecah dua sewaktu krisis politik 1980-an dan parti itu mampu bangkit. Semasa krisis 1990-an sehingga mencetuskan siri demonstrasi jalanan serta ramai yang keluar parti namun UMNO bertahan.

Hari ini di sebalik apa sahaja tafsiran, UMNO berada pada kedudukan yang teguh. Krisis, tsunami politik dan dugaan bukan asing bagi UMNO. Bujur lalu melintang patah.

 **Majoriti Melayu tidak akan merelakan Dr. Mahathir dan Kit Siang bersatu sebagaimana gagalnya Deklarasi Rakyat bagi menjatuhkan Perdana Menteri.**